

Syarat kelayakan mengikut kategori bagi bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

Bil.	Kategori Bantuan	Syarat Kelayakan
1.	Bantuan Kanak-Kanak (BKK)	<p>a) Keluarga/penjaga yang memberi jagaan kepada kanak-kanak dan pendapatan isi rumah tidak melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Purata Miskin Isi Rumah Semasa atau PGK Purata Miskin Per Kapita Semasa</p> <p>b) Kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun dan yang berumur 18 tahun ke atas boleh dipertimbangkan jika bersekolah sehingga tamat menengah atas</p>
2.	Elaun Pekerja Cacat (EPC)	<p>a) Berumur 16 tahun dan ke atas</p> <p>b) Pemegang Kad OKU JKM</p> <p>c) Pendapatan bulanan RM1,200.00 dan ke bawah</p>
3.	Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB)	<p>a) Berumur 16 tahun dan ke atas</p> <p>b) Pemegang Kad OKU JKM</p> <p>c) Pemohon <b>bukan</b> penghuni / pelatih</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Institusi kendalian JKM</li> <li>• Pusat jagaan harian/kediaman yang menyediakan perkhidmatan secara percuma</li> <li>• Program Pemulihan Dalam Komuniti</li> </ul> <p>d) Sumber kewangan bulanan individu OKU tidak melebihi kadar Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Purata Miskin Perkapita Semasa</p>

Bil.	Kategori Bantuan	Syarat Kelayakan
4.	Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/ Pesakit Kronik Terlantar (BPT)	<p>a) Pemohon adalah penjaga sepenuh masa / memberikan penjagaan rapi kepada OKU terlantar / pesakit terlantar / pesakit kronik yang memerlukan pengawasan dan penjagaan</p> <p>b) Pendapatan bulanan isi rumah tidak melebihi RM3,000.00</p>
5.	Bantuan Orang Tua (BOT)	<p>a) Warga emas berumur 60 tahun dan ke atas</p> <p>b) Pendapatan isi rumah tidak melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Purata Miskin Isi Rumah Semasa atau PGK Purata Miskin Perkapita Semasa</p> <p>c) Warga emas yang <b>bukan</b> tinggal di</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Institusi kendalian JKM</li> <li>• Pusat jagaan harian atau berkediaman yang memberi kemudahan / perkhidmatan secara percuma</li> </ul>
6.	Bantuan Am Persekutuan (BA)	<p>a) Pendapatan isi rumah tidak melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Purata Miskin Isi Rumah Semasa atau PGK Purata Miskin Per Kapita Semasa</p> <p>b) Golongan yang memerlukan dan keluarga miskin yang tidak menerima mana-mana skim bantuan bulanan JKM yang lain</p>

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Bantuan</b>	<b>Syarat Kelayakan</b>
7.	Bantuan Anak Pelihara (BAP)	<p>a) Keluarga yang sedang memberi jagaan kepada kanak-kanak berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kanak-kanak berumur 18 tahun ke bawah</li> <li>• Kanak-kanak tidak mempunyai ibu bapa dan tinggal bersama keluarga ganti</li> <li>• Kanak-kanak tinggal bersama keluarga pelihara melalui Program Anak Pelihara yang dikendalikan oleh JKM</li> <li>• Kanak-kanak yang dipelihara di bawah perintah Mahkamah Bagi Kanak-kanak mengikut Akta Kanak-kanak 2011</li> <li>• Mana-mana kanak-kanak yang tinggal di Pertubuhan Sukarela Kebajikan yang menyediakan perkhidmatan dan kemudahan percuma adalah tidak layak</li> </ul>
8.	Bantuan Latihan Perantis (BLP)	<p>a) Anak-anak penerima bantuan JKM atau bekas pelatih atau bekas penghuni dari institusi JKM</p> <p>b) Kes-kes seliaan akhlak</p> <p>c) Bekas Pelatih Perintah Khidmat Masyarakat</p>

